

Elak musnahkan kawasan tadahan air

“SAYA semakin uzur dan bila-bila masa akan dijemput oleh-Nya. Saya juga tiada upaya menggunakan tulang empat kerat untuk mengalihkan perabot di dalam rumah setiap kali banjir melanda kampung ini.”

Demikian keluhan seorang wanita warga emas mengenai bencana banjir yang kerap berlaku di Kampung Sulup, Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

Nenek berusia dalam lingkungan 80-an itu juga sering ditemui penulis setiap kali kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas dilanda banjir kilat sejak tiga tahun lalu.

Bayangkan, tahun lalu sahaja dikatakan lebih lima kali berlaku kejadian banjir melibatkan 10 buah kampung di DUN berkenaan sehingga menjejaskan kehidupan lebih 2,000 penduduk yang tinggal di 800 buah kediaman.

Antara kawasan lain yang terlibat ialah Kampung Teluk Kumbar, Kampung Paya, Kampung Masjid, Kampung Binjai, Kampung Melayu, Kampung Baru dan Kampung Seronok.

Masalah banjir kilat sehingga mencecah paras pinggang ke dada itu sering menjadi isu panas dalam kalangan penduduk Pulau Pinang. Punca utama yang sentiasa bermain di bibir penduduk adalah banjir itu disebabkan aktiviti menggondol bukit berhampiran sehingga memberi impak negatif kepada kawasan berkenaan.

Isu sebegini boleh dikatakan tidak pernah selesai biarpun pelbagai usaha dan perbincangan dua hala termasuklah pertemuan dengan pihak kerajaan negeri dilaksanakan. Pada mata penulis, masalah tersebut hanya akan disentuh pihak berwajib selepas bencana di kawasan terbabit disiarkan dalam akhbar mahupun televisyen.

Penulis pasti, sekiranya kita sendiri menanamkan budaya cinta khazanah alam semula jadi serta mempunyai prinsip memahami masalah rakyat, kemungkinan besar kejadian banjir kilat tidak akan berlaku terutama di penempatan berhampiran kawasan bukit.

Pakar Geografi Fizikal (Sumber Air dan Pengurusan Banjir)



Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Chan Ngai Weng berkata, kebanyakan hutan di negara ini merupakan kawasan tadahan air terutama hutan pedalaman dan hutan tanah tinggi.

“Jika bukit digondol dan dibersihkan, ini bermaksud hutan itu telah ditebang. Sekiranya ditebang, fungsi hutan sebagai kawasan tadahan air hujan akan musnah sama sekali dan secara tidak langsung boleh membawa kepada penyahhutan sekali gus memusnahkan kawasan tadahan air.”

“Tanah bukit yang digondolkan tersebut juga terdedah kepada percikan air hujan yang akan menghakis tanah sehingga berlakunya enapan melalui larian permukaan air ke dalam sungai. Hal ini bukan sahaja mencemarkan air sungai tetapi lebih dahsyat lagi enapan yang banyak akan mencekkan sungai,” katanya.

Beliau menjelaskan, perkara tersebut akan menyebabkan sungai di sesebuah kawasan bukit hilang daya salirannya. Berikutan itu, beliau berkata, bencana banjir dahsyat akan berlaku. Inilah sebab utama kenapa bandar raya besar yang langsung tidak ada tumbuhan sering mengalami banjir kilat

yang kerap.

Mengulas mengenai langkah yang patut dilaksanakan pihak berkaitan dalam usaha mengekalkan kawasan bukit di Pulau Pinang, beliau memberitahu, bukit-bukau berhutan tidak perlu dimajukan untuk sebarang tujuan pembangunan seperti perumahan, pembinaan lebuhraya, industri, pertanian atau apa-apa pembangunan sensitif.

“Apa yang boleh dibangunkan di kawasan bukit-bukau adalah untuk ekopelancongan sahaja di mana tiada pembinaan tepu yang padat.

“Sebaliknya, kawasan bukit-bukau yang berhutan sepatutnya dikekalkan sebagai hutan simpanan, santuari hidupan liar, tadahan air atau taman negara,” katanya.

Beliau memberitahu, kawasan hijau perlu dikekalkan dalam bandar atau semua kawasan pembangunan. Sebagai contoh, katanya, sekurang-kurangnya 30 peratus kawasan perumahan yang dibangunkan perlu dikekalkan sebagai taman atau *green lungs*.

Dalam pada itu, Ngai Weng memberitahu, pihak universiti juga seharusnya memainkan peranan penting dalam menjalankan penyelidikan berkaitan tebatan banjir.

Misalnya, tambah beliau, Pusat Penyelidikan Saliran Bandar dan Kejuruteraan Sungai (Redac) di USM telah mencipta sistem saliran ekologi dan biologi yang kini digunakan dalam manual saliran mesra alam tersebut.

“Di Redac, mereka menjalankan penyelidikan mengenai tebatan banjir dan peningkatan efisiensi saliran bandar. Sebagai contoh, seluruh Kampus Kejuruteraan USM di Pulau Pinang telah dibina berdasarkan saliran mesra alam tersebut.

